

Headline	UMUM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 May 2016	Color	Full Color
Section	Letters	Circulation	171,663
Page No	24	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	118 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,332
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,997



## UMUM

■ CUKUP-CUKUPLAH menabur fitnah dalam isu 1MDB dan dana 2.6 bilion tu. Memfitnah lebih besar dosanya daripada membunuh! Jadi, buatlah kerja-kerja yang berfaedah. Di dunia anda mungkin terlepas, tetapi di sana nanti, anda akan 'tersangkut'. Renung-renungkanlah.

### KHOJA HEBAT

■ WANITA-WANITA Islam sekarang manis bertudung tetapi buruk berpakaian. Maksud saya, bertudung tetapi pakaian seperti orang bertelanjang. Ketat, sendat dan ada juga yang pakai baju yang dimasukkan ke dalam seluar sehingga menampilkan bentuk punggung. Insafilah!

### API NERAKA

■ KESAL dengan tindakan tidak bijak lebih 3,000 pendeposit Tabung Haji yang menutup akaun simpanan. Mereka lakukan demikian kerana terpengaruh dakyah dan fitnah pihak tidak bertanggungjawab. Kita kena berbalik kepada niat menyimpan di Tabung Haji untuk pahala apabila

hasil simpanan duit itu dapat bantu jemaah lain menunaikan haji.

### INGAT ALLAH

■ GOLONGAN lesbian dan homoseksual semakin ramai dan meresahkan masyarakat di negara ini. Kepada pihak berkuasa berkenaan, bertindaklah sebelum Allah murka dan menimpakan bala. Sesungguhnya malapetaka daripada Allah sangat menakutkan!

### INSAFLAH

■ KALAU kisah si luncai yang mahu terjun dengan labunya, bolehlah kita biarkan tetapi kerenah jahat manusia sekarang tidak boleh dibiarkan. Jangan sampai mereka naik tocang. Pihak berkuasa wajib menghalang dan disusuli dengan tindakan tegas.

### CILIAPI

■ SECARA keseluruhan, kita tak ada masalah dengan pelbagai maklumat yang diakses dari Internet tetapi terlalu banyak maklumat hampas itulah yang menjadi masalah! Sebagai pengguna bijak, jangan biarkan diri terpengaruh dengan maklumat yang telah dimanipulasi oleh pihak-pihak tertentu.

### PAK DIN TM